

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22.11.2016

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan-kesan kelembapan ekonomi global beberapa tahun ini ke atas usaha Kerajaan mencapai sifar defisit fiskal negara menjelang tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Tujuan utama langkah konsolidasi fiskal Kerajaan adalah untuk mencapai bajet berimbang pada tahun 2020 dan menjamin kemampanan fiskal jangka panjang negara. Kedudukan fiskal yang lebih kukuh akan memastikan hutang Kerajaan dapat dikurangkan seterusnya mewujudkan ruang fiskal yang membolehkan ekonomi

negara bertahan sekiranya menghadapi kejutan ekonomi. Usaha ini memerlukan peningkatan hasil yang ketara dan berterusan serta perbelanjaan yang berhemat. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif pembaharuan fiskal termasuk pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta rasionalisasi subsidi. Berbanding tahun 2009 di mana defisit fiskal berada pada paras 6.7% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Kerajaan telah berjaya menurunkan paras defisit fiskal kepada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2015.

Kejatuhan harga komoditi terutamanya harga minyak mentah dunia serta pertumbuhan ekonomi global yang perlahan telah memberi kesan langsung dan tidak langsung kepada pendapatan Kerajaan seterusnya menjadikan usaha konsolidasi fiskal lebih mencabar. Dalam hal ini, langkah konsolidasi fiskal perlu dilaksanakan dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara, kesejahteraan rakyat dan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan tidak terjejas. Namun, Kerajaan kekal komited untuk meneruskan usaha konsolidasi fiskal. Bagi tahun 2016, Kerajaan mensasarkan paras defisit fiskal pada 3.1% daripada KDNK manakala bagi tahun 2017, defisit fiskal disasarkan terus menurun kepada paras 3.0% daripada KDNK. Usaha Kerajaan tersebut diterima baik oleh agensi penarafan kredit antarabangsa apabila penarafan

kredit berdaulat negara dikekalkan pada gred pelaburan.